

07 DEC 1998
MT-Reformasi

MT DIJANGKA BINCANG NASIB ANGGOTA UMNO SERTAI GERAKAN REFORMASI

KUALA LUMPUR, 7 Dis (Bernama) -- Mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno malam ini antara lain dijangka membuat keputusan mengenai anggota parti yang dilaporkan terlibat dalam tunjuk perasaan gerakan reformasi oleh penyokong bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Keputusan itu dijangka dibuat berdasarkan cadangan Jawatankuasa Disiplin parti yang mengeluarkan 47 surat tunjuk sebab kepada mereka yang terlibat. Sebelas daripada mereka telahpun dipanggil untuk menjelaskan pendirian masing-masing.

Daripada penjelasan itu, jawatankuasa berkenaan telah mengemukakan cadangan kepada MT berhubung tindakan yang harus diambil terhadap mereka termasuk bekas Ketua Pergerakan Pemuda Datuk Ahmad Zahid Hamidi.

Antara tindakan yang dicadangkan ialah memberi amaran, bercuti, gantung keahlian dan buang kes.

Mesyuarat malam ini yang dipengerusikan Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad juga dijangka membincangkan pengedaran pita kaset rakaman mesyuarat MT 3 September lepas yang membuat keputusan memecat Anwar daripada parti.

Mesyuarat MT yang terakhir untuk tahun ini juga akan menyentuh persiapan untuk Perhimpunan Agung Khas Umno Ahad ini bertujuan meminda perlembagaan parti.

Tujuh belas usul akan dibentangkan pada perhimpunan khas itu termasuk untuk memansuhkan 10 undi bonus bagi pencalonan untuk jawatan presiden dan timbalan presiden.

Ia akan digantikan dengan peratusan tertentu daripada jumlah keseluruhan 165 bahagian bagi pencalonan kedua-dua jawatan berkenaan, naib-naib presiden dan anggota MT.

Sebelum ini hanya dua bahagian sahaja perlu mencalonkan seseorang untuk layak bertanding.

Pindaan perlembagaan itu juga akan meletakkan syarat seseorang yang ingin bertanding jawatan dalam parti perlu terlebih dahulu menjadi anggota parti untuk tempoh tertentu.

-- BERNAMA
SJA MAM ZB